


# conference proceeding



Centre for Knowledge & Understanding of Tropical Architecture & Interior (KUTAI)  
Organized by:  
Centre for Islamic Thought & Understanding (CITU)  
Faculty of Architecture, Planning & Surveying (FSPU)  
Universiti Teknologi MARA (Perak)  
<http://perak.uitm.edu.my/simpor9>



FSPU

# HALAL DAN KOSHER: SATU ANALISIS PERBANDINGAN

Ahmad Hisham bin Azizan

Pusat Pemikiran Dan Kefahaman Islam, Universiti Teknologi MARA (Sarawak), Malaysia

## Abstrak

Kosher [sembelihan Yahudi] dan undang-undang makanan halal [Islam] mewakili keperluan pemakanan orang Yahudi dan orang Islam masing-masing. Undang-undang Kosher lebih banyak memfokuskan kepada binatang-binatang yang dibenarkan, penyingiran darah dan pemisahan susu dan daging. Undang-undang Kosher juga meliputi penyediaan makanan termasuklah hasil-hasil tanaman. Terdapat juga undang-undang Kosher yang khusus untuk pesta lapan hari Passover. Undang-undang halal [Islam] juga mengatur binatang-binatang yang dibenarkan untuk disembelih dan penyingiran darah yang berlaku semasa proses penyembelihan. Tambahan pula, alkohol adalah dilarang, termasuk juga minuman memabukkan yang lain dan dadah. Dewasa kini, ramai orang Islam dan orang bukan Islam memikirkan bahawa sembelihan halal adalah sama sebagaimana sembelihan Yahudi [Kosher]. Dalam kajian ini, persamaan dan perbezaan antara Kosher dan Halal akan dipaparkan untuk memastikan pengguna Islam, bukan Islam mahupun industri pemakanan memahami konsep halal mematuhi prinsip-prinsip Halal sebagaimana yang digazet dalam al-Quran dan al-Sunnah.

**Kata Kunci:** Halal, Kosher, Makanan Halal & Kosher, Islam, Yahudi

## 1. Pendahuluan

Aspek pemakanan amat dititikberatkan oleh setiap agama sama ada agama Islam, Kristian, Yahudi, Buddha mahupun agama Hindu. Ini kerana, makanan yang dimakan oleh manusia akan membentuk darah daging mereka sendiri. Makanan yang baik akan membentuk fizikal dan rohani yang baik manakala makanan yang haram ataupun dilarang oleh agama masing-masing akan berkemungkinan bukan sahaja membentuk fizikal yang kurang sihat bahkan melahirkan rohani yang sentiasa cenderung ke arah perkara-perkara yang tidak baik. Dalam artikel ini, perbincangan tidak melibatkan pemakanan bagi setiap agama tetapi lebih memfokuskan kepada dua konsep sahaja iaitu halal bagi agama Islam dan kosher bagi agama Yahudi.

## 2. Definisi Halal

Perkataan halal berasal dari kalimah Arab iaitu *halla, yahillu, hillan, wahalalan* yang bermaksud dibenarkan atau dibolehkan oleh hukum Syarak. Dalam *Munjid*, ia didefinisikan sebagai sesuatu yang dibolehkan oleh Allah S.W.T. (2008: 309). Manakala menurut Kamus Dewan, halal bermaksud hukum membenarkan sesuatu perbuatan dilakukan (dalam Islam), diperbolehkan (tidak ditegah oleh syarak), diizinkan, dibenarkan (2010: 430). Ia merupakan perkataan yang berlawanan maksud dengan perkataan haram. Perkataan halal juga ditakrifkan mengikut Perintah Perihal Dagangan (Penggunaan Perbahasaan “Halal”) 1975\*. Begitu juga dalam Garis Panduan Makanan, Minuman Dan Barang Gunaan Orang Islam.

Dari sudut Istilah syarak, halal didefinisikan sebagai sesuatu yang harus, yang diizinkannya di sisi syarak (Wizarah, 1990: 74). Dr. Yusuf al-Qardawi pula mendefinisikan halal sebagai sesuatu yang diharuskan, yang terungkai padanya ikatan larangan, dan diizinkan oleh syarak untuk melakukannya (1994: 17 & Syed Ahmad, 2008: 19). Berpandukan definisi tersebut, dapatlah dirumuskan bahawa halal adalah merujuk kepada sesuatu yang

\* Akta Perihal Dagangan 1972 (Perintah Perihal Dagangan) (Penggunaan Perbahasaan “Halal” 1975). Tafsiran menjelaskan tanda pada makanan seperti “Makanan Orang Islam” atau “Ditanggung Halal” atau “Halal” atau sebagainya bolehlah diertikan seperti berikut:

- i. Bukanlah terdiri daripada atau mengandungi apa-apa bahagian atau benda dari binatang yang dilarang oleh syarak atau yang tidak disembelih mengikut hukum syarak.
- ii. Tidak mengandungi benda-benda najis.
- iii. Tidak disedia, diproses atau dikilang dengan menggunakan alatan yang tidak bebas daripada najis.
- iv. Semasa penyediaan, memproses atau menyimpan tidak bersentuhan atau berdekatan dengan perkara yang tidak memenuhi kehendak syarak. (Noraini Haji Idris, 2007: 22-25)`

diharuskan oleh Allah SWT untuk manusia memakan, menggunakan, bermuamalah dan sebagainya. Sesuatu perkara dianggap halal dalam Islam selama mana tiada nas atau dalil yang menunjukkan bahawa ia adalah haram. Sehubungan itu, skop halal dalam Islam bukan sahaja tertumpu kepada makanan dan barang gunaan, bahkan, meliputi sistem ekonomi, kewangan dan seluruh aspek kehidupan manusia.

Perbahasan halal merupakan satu perbahasan yang amat luas. Sebagai contoh, jika dilihat dari aspek pemakanan sahaja, sesuatu makanan yang diproses boleh dikelaskan sebagai halal sekiranya ia dihasilkan dengan menggunakan bahan mentah, komponen dan aditif yang halal serta pemprosesannya berasaskan panduan yang ditetapkan syarak. Dengan kata lain, aspek halal dalam pemakanan adalah merangkumi penyediaan, pemprosesan, penyimpanan, pembungkusan, pengendalian dan pengangkutan. Keseluruhananya hendaklah tidak terkeluar daripada ketentuan syarak.

### 3. Halal Dalam Perspektif Islam

Islam merupakan agama yang syumul. Syariatnya mencakupi seluruh aspek yang diperlukan oleh manusia, meliputi akidah, ibadah, muamalah, munakahat, jenayah dan akhlak. Ringkasnya, Islam menetaskan hukum, peraturan dan undang-undang terhadap semua perkara yang menyentuh perbuatan manusia. Matlamat pensyariatan hukum-hakam dalam Islam adalah untuk menjaga kemasyhuran (al-Buti, 1982: 23) manusia bagi kehidupan di dunia atau akhirat atau kedua-duanya (al-Jawziyyah, 1993: 5). Bagi merealisasikan matlamat tersebut, Allah S.W.T. telah menjelaskan sepenuhnya kepada manusia, apa yang baik dan buruk, halal ataupun haram untuk kebaikan manusia di dunia dan akhirat.

Pada asasnya, sesuatu benda atau sesuatu perbuatan itu tidak terlepas dari lima perkara iaitu halal, haram, sunat, makruh dan harus. Bagi perkara yang halal secara mutlak, Allah S.W.T. memerintahkan untuk memakan atau menggunakan; manakala yang haram, disuruh untuk menjauhinya. Adapun bagi perkara yang syubhat, diperingatkan agar meninggalkannya bagi mengelakkan terjebak ke dalam perkara yang haram<sup>†</sup>.

Mencari sesuatu yang halal untuk dimakan atau digunakan dalam kehidupan sehari-hari adalah merupakan suatu kewajipan yang difardukan oleh Allah SWT ke atas setiap Muslim (Al-Ghazali, 2000: 1), kerana mengambil yang halal itu dapat menambah cahaya iman dan membuat termakbulnya doa dan diterima amal ibadah, sebagaimana memakan yang haram boleh menghalang doa dan ibadat dari diterima oleh Allah SWT. Terdapat banyak ayat-ayat al-Quran dan hadis yang menyeluhi dan memerintahkan umat Islam agar mengambil berat dalam mencari yang halal dan meninggalkan yang haram. Antara ayat-ayat al-Quran dan hadis yang menyentuh perihal tersebut ialah firman Allah S.W.T.:

*Maksud: "Wahai orang-orang yang beriman! makanlah dari benda-benda yang baik (yang halal) yang telah Kami berikan kepada kamu, dan bersyukurlah kepada Allah, jika betul kamu hanya beribadat kepadaNya. Sesungguhnya Allah hanya mengharamkan kepada kamu memakan bangkai, dan darah, dan daging babi, dan binatang-binatang yang disembelih tidak kerana Allah maka sesiapa terpaksa (memakaninya kerana darurat) sedang ia tidak mengingininya dan tidak pula melampaui batas (pada kadar benda yang dimakan itu), maka tidaklah ia berdosa. Sesungguhnya Allah Maha Pengampun, lagi Maha Mengasihani".*

(Al-Qur'an, Al-Baqarah (2): 172-173)

Firman Allah S.W.T. lagi:

*Maksud: "oleh itu, makanlah (wahai orang-orang yang beriman) dari apa yang telah dikurniakan Allah kepada kamu dari benda-benda yang halal lagi baik, dan bersyukurlah akan nikmat Allah, jika benar kamu hanya menyembahNya semata-mata".*

(Al-Qur'an, Al-Nahl (16): 114)

---

<sup>†</sup> Rasulullah s.a.w. bersabda yang bermaksud: "Sesungguhnya perkara yang halal itu terang jelas, dan sesungguhnya perkara yang haram itu terang jelas, dan di antara kedua perkara tersebut ada perkara-perkara syubhat yang kesamaran yang kebanyakan orang tidak mengetahuinya. Barangsiapa yang menjaga perkara syubhat maka sesungguhnya dia telah membersihkan agamanya dan maruah dirinya. Dan barangsiapa yang terjatuh dalam perkara syubhat, maka dia telah jatuh dalam perkara haram, umpama seorang pengembala yang mengembala di sekeliling kawasan larangan, dibimbangi dia akan menceroboh masuk ke dalamnya. Ketahuilah bahawa setiap raja ada sempadan dan sesungguhnya sempadan Allah itu ialah perkara-perkara yang diharamkanNya. Ketahuilah bahawa dalam setiap jasad itu ada seketul darah, yang apabila ia baik maka baiklah seluruh jasad dan apabila ia rosak, maka rosaklah seluruh jasad. Ketahuilah ia adalah hati". (Muslim: 50)

Firman Allah S.W.T. lagi:

*Maksud: "Wahai Rasul-rasul, makanlah dari benda-benda yang baik lagi halal dan kerjakanlah amal-amal soleh; Sesungguhnya Aku Maha Mengetahui akan apa yang kamu kerjakan".*  
(Al-Qur'an, Al-Mu'minun (23): 51)

Firman Allah SWT lagi:

*Maksud: "mereka bertanya kepadamu (Wahai Muhammad): "Apakah (makanan) yang dihalalkan bagi mereka?" bagi menjawabnya katakanlah: "Dihalalkan bagi kamu (memakan) yang lazat-lazat serta baik, dan (buruan yang ditangkap oleh) binatang-binatang pemburu yang telah kamu ajar (untuk berburu) mengikut cara pelatih-pelatih binatang pemburu. kamu mengajar serta melatihnya (adab peraturan berburu) sebagaimana yang telah diajarkan Allah kepada kamu. oleh itu makanlah dari apa yang mereka tangkap untuk kamu dan sebutlah nama Allah atasnya (ketika kamu melepaskannya berburu); dan bertaqwalah kepada Allah (dengan memelihara diri dari memakan yang diharamkan Allah); Sesungguhnya Allah Maha cepat hitungan hisabNya".*

(Al-Qur'an, Al-Maidah (5): 4)

Rasulullah s.a.w. bersabda yang bermaksud:

*"Abu Hurairah r.a. berkata; bahawa Rasulullah s.a.w. bersabda: Wahai manusia, sesungguhnya Allah itu baik, tidak menerima melainkan yang baik. Dan sesungguhnya Allah telah memerintahkan kepada orang-orang mukmin dengan apa yang telah diperintahkan ke atas para rasul yang diutuskan. Firman Allah; (wahai Rasul-rasul, makanlah dari benda-benda yang baik lagi halal dan kerjakanlah amal-amal soleh; sesungguhnya Aku Maha mengetahui akan apa yang kamu kerjakan). Firman Allah; (wahai orang-orang yang beriman! makanlah dari benda-benda yang baik (yang halal) yang telah kami berikan kepada kamu). Kemudian Rasulullah SAW menyebutkan perihal seorang lelaki yang telah merantau jauh, kusut masai dan berdebu, sambil menadahkan kedua tangannya ke langit (memohon doa): "Ya Tuhan ku, Ya Tuhan ku", sedangkan makanannya haram, minumannya haram, pakaiannya haram ( dan sarapannya haram). Bagaimana (dengan demikian itu) doanya boleh dimakbulkan ( oleh Allah S.W.T.)".*

(Diriwayatkan oleh Muslim)

Rasulullah s.a.w. bersabda lagi yang bermaksud:

*"Anas bin Malik meriwayatkan dari Rasulullah saw, bersabda; "Mencari yang halal adalah suatu kewajipan ke atas setiap Muslim".*

(Diriwayatkan oleh al-Tabarani dengan sanad yang baik (*hasan*)

Keseluruhan nas al-Quran dan hadis di atas menunjukkan penghujahan yang amat kuat bahawa Islam sangat mengambil berat tentang halal dan haram, kerana semua yang halal itu akan mendatangkan manfaat, sedangkan perkara haram akan mendatangkan mafsadah ke atas manusia, baik di dunia maupun akhirat.

#### 4. Definisi Kosher

Seperti yang diperkatakan dalam bahasa Jerman, *Man ist was man isst!* Manusia adalah apa yang manusia makan. Perkataan kosher adakalanya biasa didengari dan pada masa yang sama, asing ataupun jarang didengari. Dalam bahasa Ibrani, "Kashrus" daripada kata akar kosher (atau "kasher") sesuai dan/atau "tulen" yang merujuk kepada kecergasan fizikal manusia melalui aspek pemakanan (KIR, 2012). Sesuatu makanan tersebut akan dikira sebagai suci jika penyediaannya adalah mengikut cara-cara yang diajarkan di dalam kitab Taurat, jika tidak disediakan mengikut syarat-syarat tersebut, makanan tersebut haram dimakan dan dilarang dimakan. Daripada segi teorinya, Konsep Kosher ini lebih kurang sama dengan konsep "Halal" yang diguna pakai oleh orang-orang Islam namun dari segi praktikalnya ia amat berbeza sama sekali.

#### 5. Undang-Undang Pemakanan Halal

Undang-undang makanan halal menentukan makanan yang sah di sisi undang-undang atau dibenarkan bagi umat Islam. Undang-undang ini terdapat dalam Al-Quran dan al-hadith yang merupakan sumber utama perundangan Islam. Undang-undang Islam disebut sebagai Syariah dan telah ditafsirkan oleh ulama-ulama Islam selama ini. Prinsip-prinsip asas undang-undang Islam adalah kekal dan tidak berubah. Walau bagaimanapun, tafsiran mereka mungkin berubah mengikut masa, tempat dan keadaan terutamanya apabila berkaitan dengan isu-isu pemakanan halal termasuklah bioteknologi, sumber bahan-bahan bukan konvensional, bahan sintetik, dan inovasi dalam penyembelihan dan pemprosesan daging.

Undang-undang makanan halal meliputi lima isu berikut di mana kesemuanya melibatkan alam haiwan kecuali satu iaitu:

- Haiwan yang dilarang
- Larangan darah
- Kaedah penyembelihan haiwan yang dibenarkan
- Larangan memakan bangkai
- Larangan yang memabukkan

Undang-undang pemakanan Islam terkandung di dalam al-Qur'an mahupun al-hadith di mana Allah S.W.T. berfirman:

Maksud: “*diharamkan kepada kamu (memakan) bangkai (binatang yang tidak disembelih), dan darah (yang keluar mengalir), dan daging babi (termasuk semuanya), dan binatang-binatang yang disembelih kerana yang lain dari Allah, dan yang mati tercekik, dan yang mati dipukul, dan yang mati jatuh dari tempat yang tinggi, dan yang mati ditanduk, dan yang mati dimakan binatang buas, kecuali yang sempat kamu sembelih (sebelum habis nyawanya), dan yang disembelih atas nama berhala; dan (diharamkan juga) kamu merenung nasib dengan undi batang-batang anak panah. Yang demikian itu adalah perbuatan fasik. pada hari ini, orang-orang kafir telah putus asa (daripada memesongkan kamu) dari agama kamu (setelah mereka melihat perkembangan Islam dan umatnya). sebab itu janganlah kamu takut dan gentar kepada mereka, sebaliknya hendaklah kamu takut dan gentar kepadaKu. pada hari ini, Aku telah sempurnakan bagi kamu agama kamu, dan Aku telah cukupkan nikmatKu kepada kamu, dan Aku telah redakan Islam itu menjadi agama untuk kamu. maka sesiapa yang terpaksa kerana kelaparan (memakan benda-benda yang diharamkan) sedang ia tidak cenderung hendak melakukan dosa (maka bolehlah ia memakannya), kerana Sesungguhnya Allah Maha Pengampun, lagi Maha Mengasihani”.*

(Al-Qur'an, Al-Maidah (5): 3)

Firman Allah S.W.T. lagi:

Maksud: “*Wahai orang-orang yang beriman! makanlah dari benda-benda yang baik (yang halal) yang telah Kami berikan kepada kamu, dan bersyukurlah kepada Allah, jika betul kamu hanya beribadat kepadaNya*”.

(Al-Qur'an, Al-Baqarah (2): 172)

Sebelas prinsip-prinsip yang diterima umum berkaitan dengan halal (dibenarkan) dan haram (diharamkan) dalam Islam sebagai panduan kepada umat Islam dalam amalan adat mereka adalah (Al-Ghazali, 2000: 4-41; Riaz & Chaundry, 2004: 151-152):

- Prinsip asas bahawa semua perkara-perkara yang dicipta oleh Allah dibenarkan, dengan beberapa pengecualian yang dilarang. Pengecualian tersebut termasuk daging babi, darah, daging haiwan yang mati akibat selain daripada penyembelihan yang betul, makanan yang telah didedikasikan atau disembelih kepada seseorang selain daripada Allah, alkohol, dan arak.
- Untuk menyatakan sesuatu perkara itu adalah sah di sisi undang-undang dan menyalahi undang-undang adalah hak Allah semata-mata. Tiada manusia, tidak kira berapa alim atau berkuasa, boleh mengubah keadaan tersebut.
- Melarang apa yang dibenarkan dan membenarkan apa yang dilarang adalah suatu dosa yang besar jika dilakukan oleh manusia kerana ia adalah hak Allah juga.

- Sebab-sebab asas bagi larangan sesuatu perkara adalah kerana najis dan yang membahayakan. Umat Islam tidak sepertutnya mempersoalkan mengapa atau bagaimana najis atau perkara merbahaya itu dilarang oleh Allah. Mungkin terdapat sebab-sebab yang jelas dan mungkin sebaliknya yang memerlukan manusia untuk mengkaji dan berfikir. Untuk yang berminda saintifik, beberapa sebab-sebab yang jelas adalah seperti berikut:
  - Bangkai dan haiwan mati tidak boleh dimakan kerana proses pereputan membawa kepada pembentukan bahan kimia yang berbahaya kepada manusia (Awan, 1988).
  - Darah yang mengalir dari haiwan mengandungi bakteria berbahaya, produk metabolisme, dan toksin (Hussaini & Sakr, 1983).
  - Babi bertindak sebagai vektor untuk cacing patogen memasuki tubuh manusia. Jangkitan oleh *Trichinella spiralis*<sup>†</sup> dan *Taenia solium*<sup>§</sup> adalah berlainan daripada jangkitan biasa (Awan, 1988).
  - Komposisi asid lemak babi tidak serasi dengan lemak manusia dan sistem biokimia manusia (Sakr, 1991).
  - Yang memabukkan dianggap merbahaya untuk sistem saraf, yang memberi kesan kepada deria dan pertimbangan manusia, yang membawa kepada masalah sosial dan keluarga, dan mungkin membawa kepada kematian (Al-Qardawi, 1984; Awan, 1988)
- Apa yang dibenarkan adalah mencukupi dan apa yang dilarang hanya diperlukan apabila keadaan darurat berlaku sahaja. Allah melarang perkara yang tidak diperlukan oleh manusia di samping menyediakan alternatif yang lebih baik di mana manusia boleh bertahan dan hidup lebih baik tanpa memakan bangkai, daging babi, darah, dan alkohol.
- Apa sahaja yang dilarang, secara sendirinya tetap dilarang juga. Jika sesuatu itu adalah dilarang, apa-apa yang membawa atau berkaitan dengannya juga adalah dilarang.
- Menyatakan yang palsu sebagai sah di sisi undang-undang adalah dilarang. Membuat alasan rapuh untuk mengambil sesuatu yang dilarang seperti minum arak atas sebab-sebab perubatan adalah menyalahi undang-undang Islam (Majelis, 1987: 129). Nabi s.a.w. bersabda yang bermaksud:

“Thariq bin Suhail al-Ju’fi menanyakan kepada Nabi s.a.w. tentang arak, maka dilarangnya. Lalu katanya: “Saya membuatnya hanyalah untuk ubat. Maka sabda Nabi s.a.w.: “Itu bukanlah ubat tetapi penyakit”.

(Hadith riwayat Muslim, Abu Daud, Tirmizi dan Ahmad)

- Niat yang baik tidak membuatkan sesuatu undang-undang tersebut diterima. Dalam Islam, mana-mana perbuatan yang disertai dengan niat yang baik, perbuatan tersebut menjadi suatu ibadat. Dalam hal yang haram, ia tetap haram, tidak kira betapa baik niat atau bagaimana mulianya tujuan tersebut. Islam tidak menyokong cara yang haram untuk mencapai sesuatu keputusan. Islam sememangnya menegaskan bahawa bukan sahaja matlamat perlu mulia, tetapi juga cara yang dipilih untuk mencapai matlamat tersebut adalah sah dan wajar. Undang-undang Islam menuntut bahawa setiap hak perlu dimiliki dengan cara yang betul kerana di dalam Islam, “matlamat tidak menghalalkan cara”.
- Perkara yang menimbulkan syak wasangka ataupun perasaan ragu-ragu harus dielakkan. Dalam Islam, mungkin terdapat kesamaran antara jelas sah di sisi undang-undang dan jelas menyalahi undang-undang. Ini adalah kawasan yang dipanggil sebagai “apa yang diragui.” Islam berpendapat bahawa umat Islam perlu mengelakkan perkara-perkara yang menimbulkan keraguan kerana ia lebih membawa kepada menyalahi undang-undang Islam (Al-Ghazali, 2000: 42). Nabi Muhammad s.a.w. bersabda yang bermaksud:

“Sesungguhnya yang halal itu jelas, dan yang haram itu jelas, dan di antara keduanya ada perkara-perkara syubhat. Kebanyakan manusia tidak mengetahuinya. Barangsiapa yang menjaga diri dari perkara syubhat tersebut, maka dia telah menjaga agamanya dan kehormatannya, dan barangsiapa yang jatuh dalam perkara syubhat, maka dia jatuh kepada hal yang haram”.

(Hadith Riwayat Bukhari dan Muslim dari Nu’man bin Basyir)

---

<sup>†</sup> *Trichinella spiralis* merupakan parasit cacing dalam keluarga *Phylum Nematoda* yang bertanggungjawab kepada jangkitan *trichinosis* bagi kebanyakan manusia. Kadang kala, ia dirujuk sebagai “cacing babi” kerana biasanya didapati dalam produk daging babi yang kurang masak (Genome, 2012).

<sup>§</sup> *Taenia solium*, juga dikenali sebagai cacing pita daging babi merupakan *cyclophyllid cestode* dalam keluarga *Taeniidae*. Cacing pita adalah jangkitan parasit yang dijumpai dalam daging lembu atau daging babi. Jangkitan cacing pita adalah disebabkan memakan daging mentah atau kurang masak daripada haiwan yang dijangkiti. Lembu biasanya membawa jangkitan *taenia saginata* manakala babi membawa jangkitan *taenia solium* (PubMed Health, 2012).

- Perkara yang menyalahi undang-undang adalah dilarang kepada semua manusia. Undang-undang Islam adalah universal iaitu meliputi semua kaum, akidah, dan jantina. Dalam Islam, konsep kesamarataan amat dititikberatkan, oleh itu, persoalan layanan istimewa kepada sesetengah manusia tidak timbul. Prinsip ini bukan sahaja digunakan di kalangan orang Islam, tetapi di antara orang Islam dan bukan Islam juga.
- Keperluan menetapkan pengecualian. Perkara yang dilarang dalam Islam adalah agak terhad, tetapi penekanan terhadap mematuhi larangan ini adalah sangat perlu dan diberi penegasan. Walaupun begitu, seseorang Islam adalah dibenarkan, di bawah situasi darurat, memakan makanan yang dilarang dalam kuantiti yang mencukupi untuk survival kehidupan mereka (Regenstein & Chaundry, 2001; Riaz, 1999a; Chaundry, 1992).

### 5.1 Haiwan yang dilarang dan yang dibenarkan

Daging babi, babi hutan, khinzir dan begitu juga daging daripada haiwan karnivor seperti singa, harimau, harimau kumbang, anjing, dan kucing, serta burung pemangsa seperti helang dan sebagainya adalah dilarang sama sekali dalam Islam. Daging haiwan ternakan seperti lembu, biri-biri, kambing, unta dan kerbau adalah dibenarkan dalam Islam. Juga dibenarkan adalah spesies daging burung yang tidak menggunakan kuku untuk menangkap mangsa, seperti ayam, ayam belanda, itik, angsa, burung merpati, puyuh, burung pipit, emu, dan burung unta. Sesetengah haiwan dan burung dibenarkan hanya di bawah keadaan khas atau dengan syarat-syarat tertentu. Haiwan yang diberi makan makanan najis atau kotor seperti suapan yang dirumuskan dengan kumbahan (*biosolids*) atau protein dari haiwan mati mesti dikuarantin dan diletakkan di tempat yang bersih untuk 3-40 hari (Awan, 1992).

Makanan laut, iaitu ikan dan makanan laut yang lain, menimbulkan kepelbagaiannya pendapat daripada umat Islam. Kumpulan-kumpulan tertentu hanya menerima ikan bersisik sahaja sebagai halal, manakala yang lain mengambil kira semua yang tinggal di dalam air sebagai halal. Akibatnya, udang, udang kara, ketam, dan kepah adalah halal kepada kebanyakan umat Islam tetapi boleh menjadi makruh oleh sesetengah orang dan tidak digunakan. Walau bagaimanapun, makanan laut adalah halal sebagaimana sabda Nabi Muhammad s.a.w. yang bermaksud:

“Airnya (iaitu laut) menyucikan dan halal bangkainya”.

(Hadith riwayat at-Tirmizi, an-Nasa'i, Ibn Majah dan Abu Daud)

Rasulullah s.a.w. bersabda lagi yang bermaksud:

“Dihalalkan untuk kita dua jenis bangkai dan dua jenis darah; ikan dan belalang, hati dan limpa”.

(Hadith riwayat Ahmad, Ibn Majah, Baihaqi tetapi hadith ini dha'if. Hanya Imam Ahmad mensahkan sebagai hadith mauquf)

Tidak ada status yang jelas bagi serangga di dalam Islam kecuali belalang yang disebut sebagai halal (Al-Ghazali, 2000: 135). Antara produk daripada serangga yang sangat-sangat disyorkan oleh Nabi Muhammad s.a.w. adalah madu. Produk-produk lain boleh diterima tetapi perlu diteliti kandungannya untuk mengelakkan timbulnya perasaan ragu-ragu yang membawa kepada perkara syubhah dalam Islam.

Telur dan susu dari haiwan yang dibenarkan juga adalah halal untuk kegunaan umat Islam. Susu dari lembu, kambing, biri-biri, unta, dan kerbau adalah halal. Tidak seperti kosher, tidak ada sekatan untuk mencampurkan daging dengan susu dalam Islam (Regenstein & Chaundry, 2001; Chaundry, 1992).

### 5.2 Larangan Darah

Menurut Al-Quran, darah yang mengalir keluar daripada haiwan apabila ia disembelih adalah dilarang untuk dimakan. Ia termasuk sama ada darah haiwan yang dibenarkan atupun darah haiwan yang dilarang dalam Islam. Terdapat persetujuan umum di kalangan sarjana Islam bahawa apa-apa juadah dibuat dari darah mana-mana haiwan, termasuk ikan, tidak boleh diterima (Riaz, 1996).

### 5.3 Kaedah Penyembelihan Haiwan Yang Dibenarkan

Terdapat beberapa syarat dalam penyembelihan haiwan:

- Haiwan mestilah spesies yang halal.
- Haiwan mesti disembelih oleh orang dewasa dan Muslim yang waras dan berakal.
- Nama Allah mesti dilafazkan pada masa penyembelihan.

- Penyembelihan hendaklah dilakukan dengan sekali sembelihan sahaja dengan memutuskan urat halqum dan urat marih pada haiwan tersebut.

Daging haiwan yang disembelih dipanggil sebagai daging zabiha atau dhabiba. Islam memberi penekanan yang besar terhadap layanan yang lemah lembut dan berperikemanusiaan kepada haiwan yang hendak disembelih terutamanya sebelum dan semasa penyembelihan. Beberapa keadaan termasuk memberi rehat dan air kepada haiwan, mengelakkan keadaan yang mewujudkan tekanan, tidak mengasah pisau di hadapan haiwan, dan menggunakan pisau yang amat tajam untuk menyembelih haiwan tersebut. Selepas darah mengalir sepenuhnya dan haiwan tersebut menjadi tidak bermaya, barulah dibenarkan menyembelih bahagian-bahagian yang lain seperti tanduk, telinga, atau kaki dan sebagainya. Tidak seperti kosher, pemeriksaan selepas penyembelihan tidak diperlukan bagi penyembelihan halal kerana syarat-syarat penyembelihan halal banyak berkait sebelum dan semasa proses penyembelihan.

Memburu haiwan liar seperti rusa dan rusa besar, dan burung, seperti merpati dan sebagainya adalah dibenarkan bagi tujuan pemakanan, tetapi bukan untuk memperolehi kesenangan daripada membunuh haiwan tersebut. Memburu dengan menggunakan peralatan pemburu seperti senapang, anak panah, lembing, atau menjerat dibenarkan. Anjing terlatih atau burung pemangsa juga boleh digunakan untuk berburu selagi sebagai haiwan tersebut tidak memakan mana-mana mangsa yang diburu. Nama Allah boleh disebut semasa mengeluarkan alat perburuan yang digunakan untuk berburu dan haiwan buruan haruslah disembelih dan dialirkan darahnya sebaik sahaja ia ditangkap. Jika lafadz *basmalah* atau menyebut nama Allah dibuat pada masa menarik pencetus atau menembak anak panah dan haiwan buruan mati sebelum pemburu tiba, ia masih dikira sebagai halal asalkan penyembelihan dilakukan dan darah mengalir keluar daripada haiwan buruan tersebut. Ikan dan makanan laut mungkin akan diburu atau ditangkap dengan pelbagai cara dan boleh dimakan selagi ia dilakukan dengan berperikemanusiaan.

Syarat-syarat penyembelihan dan pendarahan yang betul terpakai kepada haiwan darat dan burung. Ikan dan makhluk lain yang hidup di dalam air tidak perlu disembelih. Begitu juga, tiada kaedah khas untuk membunuh belalang.

Daging haiwan halal yang mati akibat penyakit atau secara semulajadi, dicekik, jatuh dari tempat tinggi atau dibunuh oleh binatang-binatang liar adalah dilarang untuk dimakan kecuali dengan alasan menyelamatkan haiwan tersebut dengan menyembelih secara halal sebelum haiwan tersebut menjadi tidak bermaya (Riaz & Chaundry, 2004: 154). Ikan yang mati dengan sendirinya, jika terapung di atas air, masih halal selagi ia tidak menunjukkan sebarang tanda-tanda yang ikan tersebut telah reput.

Haiwan tidak boleh disembelih sekiranya bukan kerana Allah dan tidak boleh disembelih kepada sesiapa pun yang lain dari Allah dalam apa juu keadaan. Ini adalah dosa-dosa besar yang amat dititikberatkan dalam Islam (Regenstein & Chaudry, 2001; Chaudry & Regenstein, 2000; Chaudry, 1992).

#### 5.4 Larangan Alkohol dan arak

Penggunaan minuman beralkohol dan minuman keras lain adalah dilarang. Firman Allah S.W.T.:

Maksud: “Wahai orang-orang yang beriman! Bahawa sesungguhnya arak, dan judi, dan pemujaan berhala, dan mengundi nasib dengan batang-batang anak panah, adalah (semuanya) kotor (keji) dari perbuatan syaitan. Oleh itu hendaklah kamu menjauhinya supaya kamu berjaya. Sesungguhnya syaitan itu hanyalah bermaksud mahu menimbulkan permusuhan dan kebencian di antara kamu dengan sebab arak dan judi, dan mahu memalingkan kamu daripada mengingati Allah dan daripada mengerjakan sembahyang. oleh itu, mahukah kamu berhenti (daripada melakukan perkara-perkara yang keji dan kotor itu atau kamu masih berdegil)?”

(Al-Qur'an, al-Ma'idah (5): 90-91)

Istilah Arab yang digunakan untuk alkohol di dalam Al-Quran adalah memabukkan, iaitu yang telah ditapai, dan bukan sahaja untuk minuman beralkohol seperti wain, bir, wiski dan sebagainya tetapi juga kepada semua perkara yang memabukkan atau menjelaskan proses pemikiran seseorang. Penambahan sedikit alkohol dalam minuman seperti minuman ringan tidak dibenarkan sama sekali dalam Islam manakala bagi alkohol yang terhasil dari bahan makanan walaupun dalam kuantiti kecil, larangan tersebut tidak terpakai kerana mungkin dianggap tidak tulen disebabkan telah bercampur dengan bahan lain. Sintetik (dihasilkan daripada bahan kimia) atau bijirin (alkohol yang dihasilkan daripada proses penapaian bijirin) boleh digunakan dalam pemprosesan makanan sama ada untuk

mengekstrak mahupun mlarutkan makanan asalkan jumlah alkohol yang tinggal di dalam produk terakhir adalah sangat rendah, biasanya di bawah 0.1%. Walau bagaimanapun, setiap negara pengimport mempunyai garis panduan tersendiri yang mesti difahami oleh pengekspor dan perlu dipatuhi untuk memastikan makanan yang dihasilkan sentiasa halal dan boleh dinikmati oleh pengguna terumatanya umat Islam (Regenstein and Chaudry, 2001; Riaz, 1997; Chaudry, 1992).

### 5.5 Masakan Halal, Pemprosesan Makanan, dan Sanitasi\*\*

Tiada sekatan tentang memasak dalam Islam, selagi dapur adalah bebas daripada makanan dan bahan-bahan haram. Dalam Islam, dua set peralatan untuk menyimpan daging dan susu tidak diperlukan seperti yang dilakukan oleh undang-undang kosher.

Dalam syarikat-syarikat makanan, bahan-bahan haram perlu disimpan secara berasingan daripada bahan-bahan halal. Peralatan yang digunakan untuk produk yang tidak halal harus dibersihkan dengan teliti, menggunakan teknik asid, bes, detergen, dan air panas yang betul. Sebagai peraturan am, prosedur kebersihan yang diamalkan oleh kosher adalah sama seperti yang terdapat dalam undang-undang halal juga. Jika peralatan digunakan bagi produk haram, ia mesti dibersihkan dengan betul melaui proses samak, iaitu sekali basuhan air tanah, dan kemudian dibilas dengan air panas sebanyak tujuh kali oleh pegawai Islam yang diamanahkan dalam hal ini (Regenstein and Chaudry, 2001).

## 6. Undang-Undang Pemakanan Menurut Kosher

Undang-undang pemakanan Kosher menentukan makanan yang boleh dimakan atau tidak oleh pengguna Yahudi yang mematuhi undang-undang ini. Undang-undang Kosher merupakan Bible pada asalnya, datang terutamanya daripada lima buku asal Kitab-kitab Suci (Taurat). Pada masa yang sama, Musa menerima Sepuluh Rukun (Ten Commandments) di Gunung Sinai di mana tradisi Yahudi mengajar bahawa Musa juga menerima undang-undang secara lisan, yang akhirnya diturunkan beberapa tahun kemudian dalam Talmud. Undang-undang secara lisan adalah sebahagian daripada undang-undang Bible sebagai teks bertulis. Sejak beberapa tahun kebelakangan ini, maksud undang-undang Kosher Bible telah diterjemahkan dan dilanjutkan oleh rabbi untuk melindungi orang Yahudi dari melanggar mana-mana undang-undang asas dan menangani isu-isu baru dan teknologi. Sistem undang-undang Yahudi disebut sebagai *halacha* (Regenstein & Chaudry, 2001).

Undang-undang pemakanan Kosher meliputi tiga isu di mana semuanya tertumpu kepada alam haiwan iaitu:

- Haiwan yang dibenarkan
- Larangan darah
- Larangan percampuran susu dan daging

### 6.1 Haiwan yang dibenarkan untuk Kosher

Haiwan ruminan (lembu, kambing, kuda) yang mengunyah mamahan mereka, burung domestik tradisional, dan ikan bersirip dan bersisik secara umumnya dibenarkan oleh kosher. Babi, burung liar, jerung, singa laut, ikan keli, dan spesis yang sama dengannya adalah dilarang. Hampir semua serangga juga adalah dilarang menurut undang-undang kosher. Burung domestik seperti ayam, ayam belanda, itik, dan angsa adalah dibenarkan. Burung dalam kategori *rattrie* (burung unta, emu dan *rhea*) tidak dibenarkan kerana burung unta disebut secara khusus dalam Bible (Isabel, 2010: 37; Sanchez, 2010: 5-8). Walau bagaimanapun, ia tidak jelas sama ada haiwan di dalam Bible adalah haiwan yang sama sebagaimana yang wujud sebagai burung unta pada hari ini. Satu kriteria kadangkala dirujuk dalam usaha untuk menentukan sama ada spesies burung adalah dibenarkan dalam undang-undang kosher. Burung kosher mempunyai perut (hempedal) iaitu lapisan yang boleh dikeluarkan daripada hempedal yang lain. Ia tidak boleh menjadi burung pemangsa. Satu lagi isu berkaitan dengan tradisi agama Yahudi, sebagai contoh, burung yang

\*\* Sanitasi merupakan cara untuk mencegah sentuhan manusia daripada bahan buangan untuk mempromosikan kesihatan. Bahaya ini mungkin sama ada dari segi fizikal, mikrobiologi dan agen-agen kimia bagi penyakit berkenaan. Bahan buangan yang boleh menyebabkan masalah kesihatan adalah terdiri daripada tahi manusia atau binatang, sisa bahan buangan pepejal, air bahan buangan domestik (kumbahan, urin, bahan buangan mandian atau cucian), bahan buangan industri dan bahan buangan pertanian. Cara pencegahan bersih boleh dilakukan dengan menggunakan penyelesaian kejuruteraan (contohnya rawatan kumbahan dan sisa cecair buangan), teknologi mudah (contohnya tandas, tangki septik), atau amalan kebersihan peribadi (contohnya membasuh tangan dengan sabun) (WHO, 2012; Gleick, 2002; WHO & UNICEF, 2008)

baru ditemui mungkin tidak boleh diterima. Sesetengah *rabai*<sup>††</sup> tidak menerima ayam belanda liar, sedangkan ada orang yang tidak menerima ayam yang tidak berbulu.

Haiwan dari laut yang dibenarkan adalah hanya yang bersirip dan bersisik. Semua ikan bersisik mempunyai sirip, jadi fokus haiwan laut menurut kosher adalah pada sisiknya. Ini mesti dapat dilihat dengan mata manusia dan mesti ditanggalkan daripada kulit ikan tanpa terkoyak kulit ikan tersebut (Regenstein & Regenstein, 2000).

Kebanyakan serangga tidak dibenarkan dalam kosher. Namun begitu, pengecualian tersebut adalah termasuk beberapa jenis belalang di mana tradisi memakan mereka masih tidak hilang di beberapa tempat di dunia. Serangga yang boleh dimakan adalah semua yang berada di dalam keluarga belalang seperti yang dibenarkan di dalam Taurat disebabkan mekanisme pergerakan belalang yang unik.

## 6.2 Larangan Darah

Haiwan ruminan (lembu, kuda) dan ayam mesti disembelih mengikut undang-undang Yahudi oleh penyembelih kosher yang dilatih khas (*shochet*<sup>‡‡</sup>), menggunakan pisau khas yang direka untuk tujuan penyembelihan ini (*chalef*<sup>§§</sup>). Pisau mestilah sangat tajam dan mempunyai bilah yang sangat lurus iaitu sekurang-kurangnya dua kali diameter leher binatang yang hendak disembelih. Jika penyembelihan itu dilakukan mengikut undang-undang Yahudi dan dikendalikan dengan baik, haiwan itu akan mati tanpa menunjukkan sebarang tanda-tanda tekanan. Sebelum proses sembelihan, penyembelih meminta ampun kerana mengambil nyawa haiwan tersebut dan ini merupakan ritual yang diamalkan dalam penyembelihan kosher. Ritual ini tidak dilakukan kepada setiap haiwan yang akan disembelih. Kaedah-kaedah untuk proses sembelihan adalah sangat ketat di mana *shochet* akan memeriksa *chalef* sebelum dan selepas penyembelihan setiap haiwan. Jika berlaku apa-apa masalah dengan pisau, haiwan menjadi *treife* (tidak kosher). *Shochet* juga akan memeriksa potongan di leher haiwan selepas setiap kali penyembelihan untuk memastikan ia dilakukan dengan betul. Haiwan yang disembelih kemudiannya diperiksa untuk meihat sama ada terdapat kecacatan atau tidak oleh *rabai* yang terlatih. Jika haiwan didapati mempunyai kecacatan, haiwan dianggap tidak boleh diterima dan menjadi *treife*. (Regenstein and Chaudry, 2001; Regenstein and Regenstein, 1979, 1988).

Daging dan ayam mesti disediakan dengan betul iaitu memotong urat tertentu, arteri, lemak yang dilarang, darah, dan saraf *sciatic*. Dari segi praktikal, ini bermakna bahawa hanya suku potongan hadapan daging merah kosher digunakan di negara Amerika Syarikat dan kebanyakan negara Barat. Walaupun adalah amat sukar dan memakan masa untuk mengeluarkan saraf *sciatic* haiwan, keperluan menuntut bahawa perkara ini perlu dilakukan di mana kaki belakang dan pinggang diperlukan dalam bekalan makanan kosher di seluruh dunia. Dalam sesetengah haiwan seperti rusa, ia adalah agak mudah untuk memotong kaki belakang dan pinggang. Walau bagaimanapun, jika tidak ada tradisi memakan daging kaki belakang dan pinggang dalam masyarakat, sesetengah *rabai* mungkin menolak memotong kaki belakang dan pinggang rusa sebagai makanan untuk masyarakat mereka. Untuk terus mengeluarkan darah yang dilarang, daging merah dan ayam mesti direndam dengan garam dalam tempoh 72 jam penyembelihan. Daging yang telah dimasinkan sebentar tadi hendaklah dibilas sebanyak tiga kali untuk membuang darah serta untuk mengelakkan daging tersebut menjadi tidak kosher yang tidak boleh dimakan oleh masyarakat di seluruh dunia (Regenstein and Chaudry, 2001; Regenstein and Regenstein, 1988).

## 6.3 Larangan Campuran Susu dan Daging

Untuk mengasingkan daging dan susu mengikut undang-undang kosher, setiap proses dan pengendalian semua bahan dan produk daging ataupun susu meliputi salah satu daripada tiga kategori di bawah iaitu:

- Produk daging
- Produk susu
- Pareve (parve, parev), atau produk neutral

Kategori *pareve* termasuk semua produk yang tidak mengandungi bahan daripada daging atau tenuku. Semua produk tumbuhan adalah *pareve* dan ia juga meliputi telur, ikan mahupun madu. Makanan *pareve* ini sebagai

<sup>††</sup> Rabai (Bahasa Ibrani: רָבִי) dalam Agama Yahudi bermaksud Guru ataupun harfiahnya "yang agung". Perkataan "Rabai" berasal daripada kata akar Ibrani RaV, yang bererti "agung" atau "unggul (dalam pengetahuan)". Semua permasalahan agama Yahudi biasanya dirujuk kepada Rabai dan Rabai juga berperanan sebagai penasihat dan ketua keagamaan dalam setiap masyarakat Yahudi.

<sup>‡‡</sup> *Shochet* merupakan penyembelih untuk upacara ritual yang dilakukan oleh seorang Yahudi yang mengamalkan agamanya yang dilatih untuk melakukan *shechita* (proses penyembelihan menurut undang-undang Yahudi) (Chabad.org, 2012; Tamu, 2012; BBC, 2012)

<sup>§§</sup> *Chalef* merupakan pisau tajam yang digunakan oleh *shochet* dalam melakukan *shechita*.

contohnya telur ataupun ikan boleh digunakan bersama dengan produk daging atau produk tenusu. Walau bagaimanapun, jika ia (makanan *pareve*) bercampur dengan daging atau tenusu, ia mengambil identiti produk yang bercampur dengannya, sebagai contoh, telur dalam keju soufflé, apabila bercampur, ia menjadi produk tenusu. Untuk memastikan susu dan daging diasingkan dengan lengkap, semua peralatan, perkakas, paip, wap, dan sebagainya, mestilah dikategorikan dengan tepat. Jika seseorang ingin membuat bahan atau produk yang benar-benar *pareve*, setiap peralatan yang diperlukan mesti menjalani proses pembersihan secara kosher (*kosherization* peralatan) untuk memastikan peralatan yang digunakan adalah bersih untuk membuat produk *pareve* (Regenstein dan Chaudry, 2001).

## 7. Kosher Dan Halal: Persamaan

Melihat kepada undang-undang pemakanan halal dan kosher sebagaimana yang diterangkan di atas, terdapat beberapa persamaan yang boleh dilihat yang menunjukkan bahawa kedua-dua agama iaitu Islam dan Yahudi amat menitikberatkan aspek pemakanan yang halal dan bersih untuk pengikut agama mereka. Persamaan tersebut bukan menunjukkan bahawa agama Islam dan Yahudi adalah sama tetapi persamaan tersebut menjelaskan bahawa kedua-dua agama bersetuju makanan yang halal dan bersih adalah sesuai untuk seluruh masyarakat bagi memastikan mereka mendapat kesihatan baik di samping menjaga hubungan mereka Allah S.W.T.

Antara persamaan yang boleh dilihat adalah:

- Babi atau khinzir adalah dilarang bagi kedua-dua undang-undang ini.
- Kebanyakan haiwan yang dibenarkan dalam kosher juga halal di sisi Islam, contohnya biri-biri, kerbau, lembu dan sebagainya.
- Undang-undang kosher melarang dan undang-undang halal melarang dengan sekeras-kerasnya penggunaan haiwan amfibia (dua alam) dalam pemakanan, sebagai contoh, ialah katak.
- Hampir semua serangga adalah tidak kosher. Beberapa serangga kosher adalah daripada jenis belalang ataupun belalang padi yang tidak dimakan hari ini oleh kebanyakan manusia dan ia juga sama sebagaimana yang terdapat dalam undang-undang pemakanan halal berdasarkan daripada hadith Nabi s.a..w. yang juga mengatakan bahawa serangga belalang itu boleh dimakan oleh umat Islam.
- Untuk menjadi kosher, haiwan akuatik mesti mempunyai sisik dan sirip. Kebanyakan sarjana Islam juga mengakui bahawa semua makhluk dari lautan atau laut dianggap Halal. Mazhab Hanafi pada dasarnya juga mempercayai bahawa ikan yang mempunyai sisik dan sirip sahaja yang Halal. Ini adalah sama dengan apa yang dibawa dalam undang-undang pemakanan kosher. Menurut undang-undang Yahudi, semua ikan bersisik mempunyai sirip, sekaligus menjadikan semua ikan bersisik itu adalah kosher dan undang-undang pemakanan ini pada dasarnya adalah sama dengan Halal dalam Islam.

Di atas merupakan serba sedikit persamaan yang boleh didapati daripada undang-undang pemakanan Halal dan kosher. Ia juga boleh dijadikan sebagai rujukan atau panduan bagi memastikan makanan yang dimakan oleh masyarakat dunia adalah Halal dan bersih serta selamat untuk dinikmati.

## 8. Perbandingan Antara Kosher Dan Halal

Jadual 8.1 memberikan perbandingan penuh antara halal dan kosher. Terdapat persamaan tertentu dan banyak perbezaan di antara halal dan kosher. Dalam kedua-dua agama, daging babi dan produk daging babi yang diperolehi daripada babi dan babi itu sendiri adalah dilarang. Haiwan dan burung karnivor juga tidak dibenarkan dalam kedua-dua agama.

Daripada haiwan yang dibenarkan, haiwan ruminan dan ayam perlu disembelih oleh seorang Yahudi untuk menjadi kosher dan disembelih oleh seorang Muslim untuk menjadi halal. Dalam kosher, semua haiwan perlu disembelih tanpa perlu melalui proses “stunning”. Walau bagaimanapun, haiwan boleh di “stun” kan selepas proses penyembelihan untuk memudahkan pendarahan dalam beberapa kes, tetapi ia tidak boleh diterima sebagai produk kosher yang sebenar. Untuk Halal, “stunning” atau elektrik dibenarkan selagi haiwan itu masih hidup pada masa disembelih. Untuk Halal, kebanyakan negara menerima penyembelihan mekanikal ayam jika diselia oleh seorang Muslim dengan dibantu oleh seorang Muslim yang lain.

Dalam kosher, bacaan untuk keberkatan dibuat sebelum memasuki tempat penyembelihan dan semasa bermula operasi penyembelihan. Adalah tidak wajar untuk menggunakan nama Tuhan di tempat yang kotor seperti rumah sembelihan. Walau bagaimanapun, untuk halal, bacaan “basmalah” mesti dibuat pada masa penyembelihan haiwan. Bagi kosher, hanya suku bahagian hadapan sahaja yang digunakan untuk daging kosher. Daging juga direndam di

dalam air, dan ditutup dengan garam selama satu jam untuk membuang darah. Bagi Halal, seluruh haiwan dibenarkan untuk dimakan. Tidak ada keperluan untuk merendam atau penggunaan garam untuk daging halal. Darah dan produk darah tidak dibenarkan oleh kosher serta peraturan halal.

Antara ikan dan makanan laut, hanya ikan yang bersirip dan bersisik yang boleh ditanggalkan sahaja adalah kosher, manakala semua ikan dan makanan laut adalah halal.

Enzim yang diperolehi daripada sumber-sumber mikrob atau bioteknologi (GMO) adalah diterima sebagai kosher dan halal. Enzim yang diekstrak daripada haiwan kosher yang dibunuh diterima sebagai kosher dan enzim yang diekstrak daripada haiwan yang halal dibunuh diterima sebagai halal. Sesetengah rabai yang liberal mungkin menerima enzim dari haiwan bukan kosher yang dibunuh serta enzim babi. Enzim daripada haiwan tidak halal yang dibunuh mungkin boleh diterima oleh sesetengah kumpulan dan negara, tetapi tidak semua. Enzim babi umumnya tidak diterima oleh umat Islam (Riaz, 1999a).

Bagi bahan-bahan tenusu dan keju, untuk keju menjadi kosher, seorang Yahudi mesti menambahkannya dengan susu untuk menjadi kosher. Tiada sekatan untuk halal bagi produk yang melibatkan susu, keju mahupun percampuran susu dan keju.

Alkohol terutamanya minuman beralkohol, tidak dibenarkan bagi orang Islam, tetapi orang Yahudi menganggap alkohol sebagai kosher, namun, beberapa sekatan berkaitan sumber minuman beralkohol dalam kosher telah wujud. Penting untuk kosher untuk tidak menggabungkan daging dan produk tenusu, tetapi tiada apa-apa sekatan wujud untuk halal dalam mencampurkan daging dan susu.

Peralatan bagi produk halal mesti dibersihkan secara menyeluruh dan boleh digunakan serta-merta selepas dibersihkan. Untuk kosher, selepas pembersihan yang sempurna, peralatan mungkin akan dibiarkan untuk beberapa tempoh sebelum dapat digunakan kembali.

Semua serangga tidak kosher (kecuali belalang) atau halal (kecuali belalang). Produk serangga tidak dianggap kosher oleh majoriti rabai ortodoks, tetapi sesetengah rabai membenarkannya. Beberapa produk serangga seperti madu lebah dan sebagainya adalah halal di sisi Islam.

Semua bahan-bahan tumbuhan adalah kosher, namun, serangan serangga dan sumber alkohol dalam beberapa produk tertentu menyebabkan ia disekat dalam kosher. Bahan tumbuhan adalah halal selagi tidak mengandungi sejumlah besar alkohol atau arak.

Peraturan-peraturan bagi pemakanan halal digunakan sepanjang tahun walau bagaimanapun, untuk kosher, semasa Passover, peraturan tambahan mungkin berlaku di luar kebiasaan peraturan-peraturan kosher setiap hari.

Jadual 8.1: Analisis Perbandingan Antara Halal dan Kosher

Butiran	Kosher	Halal
<b>Babi, daging babi dan haiwan karnivor</b>	Dilarang	Dilarang
<b>Haiwan ruminan (kerbau, lembu) dan ayam</b>	Disembelih oleh seorang Yahudi yang terlatih	Disembelih oleh seorang Muslim dewasa
<b>Niat</b>	Dilakukan sebelum memasuki tempat penyembelihan; tidak kepada semua haiwan	Dilakukan kepada setiap haiwan yang hendak disembelih
<b>Penyembelihan menggunakan tangan</b>	Mandatori	Harus
<b>Penyembelihan mekanikal</b>	Tidak dibenarkan	Boleh dilakukan untuk ayam (jumlah yang banyak) tetapi perlu di bawah pengawasan
<b>Proses “stunning” sebelum penyembelihan</b>	Kadangkala dibenarkan	Dibenarkan untuk menyebabkan haiwan tersebut tidak sedarkan diri tetapi tidak mati sebelum disembelih
<b>Proses “stunning” selepas penyembelihan</b>	Dibenarkan	Tidak dibenarkan

<b>Peraturan lain mengenai daging</b>	Hanya bahagian suku hadapan sahaja digunakan; perlu direndam dan dimasinkan	Keseluruhan bahagian daging dan tidak perlu direndam dengan air masin
<b>Darah haiwan</b>	Dilarang	Dilarang
<b>Ikan</b>	Hanya bersisik sahaja	Kesemua jenis ikan
<b>Makanan laut</b>	Tidak dibenarkan	Dibenarkan
<b>Enzim mikrob</b>	Dibenarkan	Dibenarkan
<b>Enzim terhasil daripada proses bioteknologi</b>	Dibenarkan	Dibenarkan
<b>Enzim haiwan</b>	Penyembelihan kosher sahaja	Kadangkala diterima
<b>Enzim babi</b>	Mungkin diterima	Dilarang
<b>Gelatin lembu</b>	Daripada haiwan kosher yang disembelih	Daripada haiwan halal yang disembelih
<b>Gelatin ikan</b>	Hanya ikan kosher sahaja	Semua jenis ikan
<b>Gelatin babi</b>	Dibenarkan oleh rabai liberal yang ortodoks	Dilarang
<b>Produk tenusu</b>	Diperbuat daripada enzim kosher	Diperbuat daripada enzim yang halal
<b>Penambahan keju</b>	Penambahan mesti dibuat oleh seorang Yahudi	Tiada halangan
<b>Alkohol (arak)</b>	Dibenarkan	Dilarang
<b>Campuran daging dan susu</b>	Tidak dibenarkan	Tidak berkenaan
<b>Serangga dan produk serangga</b>	Belalang diterima tetapi produk serangga tidak diterima	Belalang dan kebanyakan produk serangga diterima
<b>Bahan tumbuhan</b>	Semua dibenarkan	Yang melibatkan alkohol (arak) dilarang sama sekali
<b>Peralatan disanitasi</b>	Dibersihkan; memerlukan tempoh tertentu; dibersihkan secara ritual (kosherization)	Dibersihkan secara menyeluruh; tiada tempoh tertentu diperlukan
<b>Situasi khas</b>	Sekatan ditambah semasa Passover	Peraturan yang sama sepanjang tahun

## KESIMPULAN

Secara keseluruhannya, aspek pemakanan sangat dititikberatkan oleh agama Islam mahupun agama Yahudi. Di dalam Islam wujudnya undang-undang pemakanan halal manakala bagi agama Yahudi, wujud pula kosher. Bagi kedua-dua agama, makanan yang bersih lagi halal amat ditekankan untuk memastikan kehidupan penganutnya sentiasa diberkati oleh Tuhan. Makanan-makanan yang tidak halal ataupun tidak dibenarkan haruslah dielakkan

sama sekali kerana ia merupakan suatu dosa besar jika memakannya. Oleh itu, seluruh masyarakat haruslah sedar bahawa makanan apakah yang boleh dimakan atau sebaliknya kerana ia bukan sahaja membantu kesihatan malahan juga dapat membentuk individu serta masyarakat yang bahagia lagi cemerlang, gemilang dan terbilang.

## 9. RUJUKAN

- \_\_\_\_\_. (2008). *Al-Munjid Fi al-Lughah al-‘Arabiyyah al-Mu’asirah*, Bayrut: Dar al-Mashriq.
- Abu al-Husin, Muslim bin al-Hajjaj bin Muslim. (t.th). *Sahih Muslim*, Bayrut: Dar al-Jil.
- Al-Buti, Muhammad Sa’id Ramadhan. (1982). *Dawabit al-Maslaha fi al-Shari’at al-Islamiyyah*, Bayrut: Mu’assasah al-Risalah.
- Al-Ghazali. 2000. *Halal dan Haram Dalam Islam*. Kuala Lumpur: Jasmin Enterprise.
- Al-Qardawi, Yusuf. (1984). *The Lawful and Prohibited in Islam*, Beirut: The Holy Quran Publishing House.
- Al-Qardawi, Yusuf. (1994). *Al-Halal wa al-Haram fi al-Islam*, Bayrut: Maktabah al-Islami.
- Al-Qur'an al-Karim.
- Awan, J.A. (1988). “Islamic food laws: philosophy of the prohibition of unlawful foods”. *Sci. Technol. Islam. World*, 6(3).
- Awan, J.A. (1992). Islamic Codex Alimentarius, *Sci. Technol. Islam. World*, 10(1).
- BBC, Religions. “Treatments of animals: Judaism and animals”. [www.bbc.co.uk/religion/religions/judaism/jewishethics/animals\\_1.shtml](http://www.bbc.co.uk/religion/religions/judaism/jewishethics/animals_1.shtml), retrieved 30<sup>th</sup> June 2012.
- Chabad.org. “What is Shechita?”. [www.chabad.org/library/article\\_cdo/aid/222240/jew-ish/What-is-Shechita.htm](http://www.chabad.org/library/article_cdo/aid/222240/jew-ish/What-is-Shechita.htm), retrieved 30<sup>th</sup> June 2012.
- Chaudry, M.M. (1992). Islamic food laws: philosophical basis and practical implications, *Food Technol.*, 46(10).
- Chaudry, M.M. and Regenstein, J.M. (2000). Muslim dietary laws: food processing and marketing, *Encyclop. Food Sci.*
- Genome. NCBI. “Trichinella Spiralis”. [www.ncbi.nlm.nih.gov/genome?term=Trichinella\\_spiralis](http://www.ncbi.nlm.nih.gov/genome?term=Trichinella_spiralis), retrieved 29<sup>th</sup> June 2012.
- Gleick, Peter H. 2002. *Dirty Water: Estimated Deaths from Water-Related Diseases 2000-2020*. Pacific Institute for Studies in Development, Environment, and Security. [www.pacinst.org](http://www.pacinst.org).
- Guerrero-Legarreta, Isabel, Alarcon Rojo, Alma Delia & Alvarado, Christine. (2010). *Handbook of Poultry Science and Technology, Primary Processing*, John Wiley & Sons.
- Hajah Noresah bt. Baharom. (2010). *Kamus Dewan Edisi Keempat*, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Hussaini, M.M. and Sakr, A.H. (1983). *Islamic Dietary Laws and Practices*, Bedford Park: Islamic Food and Nutrition Council of America
- KIR. “What Does Kosher Mean”. [www.koshercertification.org.uk/whatdoe.html](http://www.koshercertification.org.uk/whatdoe.html), retrieved 10<sup>th</sup> October 2011.
- Majelis Tertinggi Urusan Keislaman Mesir. (1987). *Sunnah-Sunnah Pilihan: Makanan dan Minuman serta Hewan Qurban Sembelihan*, Bandung: Penerbit Angkasa.

**The 9<sup>th</sup> Regional Symposium of The Malay Archipelago 2012 (SIMPOSIUM NUSANTARA 9 2012)**  
11-12 Disember 2012, Perak, MALAYSIA

Noraini Haji Idris *et al.* (2007). *Malaysia Ke Arah Hab Makanan Halal Dunia*, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

PubMed Health. U.S. National Library of Medicine. A.D.A.M Medical Encyclopedia. “Tapeworm – beef or pork”. [www.ncbi.nlm.nih.gov/pubmed-health/PMH0002366/](http://www.ncbi.nlm.nih.gov/pubmed-health/PMH0002366/), retrieved 29<sup>th</sup> June 2012.

Regenstein, J.M. and Chaudry, M. (2001). “A brief introduction to some of the practical aspects of kosher and halal laws for the poultry industry”, in *Poultry Meat Processing*, Boca Raton, FL: CRC Press.

Regenstein, J.M. and Regenstein, C.E. (1979). “An introduction to the kosher (dietary) laws for food scientists and food processors”. *Food Technology*.

Regenstein, J.M. and Regenstein, C.E. (1988). The kosher dietary laws and their implementation in the food industry, *Food Technology*.

Regenstein, J.M. and Regenstein, C.E. (2000). Kosher foods and food processing. *Encyclop. Food Sci.*

Riaz, M.N. (1996). Hailing halal, *Prep. Foods*, 165(12).

Riaz, M.N. (1997). Alcohol: the myths and realities, in *A Handbook of Halaal and Haraam Products*, Vol. 2, Uddin, Z., Ed., Richmond Hill, NY.: Publication Center for American Muslim Research and Information

Riaz, M.N. (1999a). Halal food processing and marketing, in *10th World Congress of Food Science and Technology*, Book of Abstracts, Sydney: Australian Institute of Food Science and Technology

Riaz, Mian N. & Chaundry, Muhammad M. 2004. *Halal Food Production*, United States of America: CRC Press.

Sakr, A.H. (1991). *Pork: Possible Reasons for its Prohibition*, Lombard: Foundation for Islamic Knowledge

Sanchez, Roman V. (2010). *Are Ducks, Geese and Swans Clean to Eat According to Yahowah's Law?*. Westhill Place, Canada: Assembly of Yahowah the Eternal.

Syed Ahmad Semait. (2008). *Halal dan Haram Dalam Islam*, Singapura: Pustaka Islamiyah PTE LTD.

Texas A&M University, “Kosher and Halal”. [meat.tamu.edu/kosher.html](http://meat.tamu.edu/kosher.html), retrieved 30<sup>th</sup> June 2012.

Wizarah al-Awqaf wa al-Shu'un al-Islamiyyah. (1990). *Al-Mausu'ah al-Fiqhiyyah*, Kuwait: Thaba'ah Zat al-Sasil.

World Health Organization & UNICEF. (2008). *Progress on Drinking Water and Sanitation: Special Focus on Sanitation*, UNICEF, New York and WHO. Geneva.

World Health Organization. “Sanitation”. [www.who.int/topics/sanitation/en/](http://www.who.int/topics/sanitation/en/), retrieved 29<sup>th</sup> June 2012.